

Impak Pentaksiran Pendidikan Pintar dan Berbakat Integrasi Naqli dan Aqli (IGEd)

Nurhidaya Mohamad Jan^{1*}, Hatika Kaco¹, Fadzidah Mohd Idris¹ and Siti Munirah Mohd¹

¹Kolej GENIUS Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding author: nurhidaya.mj@usim.edu.my

Received: 6 June 2023

Received in revised form: 23 July 2023

Accepted: 31 July 2023

Published: 31 July 2023

ABSTRAK

Di era Pendidikan 4.0, pelbagai konsep pembelajaran dan pentaksiran diperkenalkan seiring dengan kemajuan teknologi di zaman ini. Di sekolah, guru-guru tidak lagi terlalu fokus kepada pentaksiran sumatif sahaja, malah sekarang turut dilaksanakan konsep pentaksiran berterusan bilik darjah. Pentaksiran Bilik Darjah boleh dilaksanakan melalui dua kaedah iaitu secara formatif dan sumatif di mana ianya boleh dijadikan sebagai pembelajaran, untuk pembelajaran dan tentang pembelajaran. Di Kolej GENIUS Insan (KGI), pentaksiran bersepadu menggunakan konsep pentaksiran pendidikan pintar dan berbakat integrasi naqli dan aqli (IGEd) telah dilaksanakan bermula pada tahun 2020 ketika pandemik COVID-19. Konsep pentaksiran ini menggabungkan elemen STEM (*Science, Technology, Engineering and Mathematics*) dengan elemen bahasa, sastra dan agama. Kajian ini telah dibahagikan kepada dua fasa iaitu pembangunan pentaksiran IGEd di KGI pada fasa pertama dan diikuti dengan fasa kedua, iaitu pengumpulan maklum balas pensyarah terhadap pelaksanaan pentaksiran IGEd. Pada fasa kedua, kajian soal selidik telah dijalankan ke atas 20 orang pensyarah di KGI terhadap pelaksanaan pentaksiran bagi memperoleh maklum balas pensyarah melalui kaedah pensampelan bertujuan dan persampelan mudah. Selain itu, kajian ini juga membincangkan tentang impak pentaksiran pendidikan pintar dan berbakat integrasi naqli dan aqli kepada murid, pendidik, keluarga, masyarakat dan negara.

Kata Kunci

Pentaksiran bersepadu; Pendidikan Pintar dan Berbakat; STEM; Naqli; Aqli; IGEd

ABSTRACT

In the era of Education 4.0, various concepts of learning and assessment are introduced along with the advancement of technology. In schools, teachers no longer focus on summative assessment but now implement the concept of continuous classroom assessment. Classroom assessment can be implemented through formative and summative methods, which can be used as learning, for learning, and about learning. At Kolej GENIUS Insan (KGI), integrated assessment using the concept of gifted and talented education assessment (IGEd) has been implemented since the year of 2020 during COVID-19 pandemic. This assessment concept integrates STEM (*Science, Technology, Engineering and Mathematics*) subjects with language, social and religious elements. This study has been divided into two phases, namely the development of IGEd assessment at KGI in the first phase and followed by the second phase, which is the collection of lecturers' feedback on the implementation of IGEd assessment. In the second phase, a questionnaire survey was conducted on 20 lecturers at KGI regarding the implementation of assessment to obtain feedback from lecturers through purposive sampling and convenience sampling. In addition, this study also discusses the impact of smart and gifted education assessment of naqli and aqli integration on students, educators, families, society and the country.

Keywords

Integrated assessment; Gifted and Talented Education; STEM; Naqli; Aqli; IGEd

Pendahuluan

Dalam usaha membentuk peribadi murid, Kemahiran Abad Ke-21 memainkan peranan yang penting dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran ini bermatlamat untuk melahirkan lebih ramai murid yang mempunyai ciri-ciri seperti berdaya tahan, mahir berkomunikasi, pemikir, kerja sepasukan, bersifat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, penyayang/prihatin dan berjiwa patriotik (Arbaa, R., Jamil, H. & Ahmad, M. Z., 2017). Hasil daripada ciri-ciri ini, ianya dapat melahirkan murid yang

mampu bersaing di peringkat global dengan menekankan teras pendidikan serta peningkatan kualiti pembelajaran dan pengajaran sebagaimana yang telah digariskan dalam Lonjakan ke-9 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025.

Sehubungan dengan itu, pendidikan merupakan satu usaha yang berterusan bagi meningkatkan pencapaian murid berteraskan konsep keseimbangan dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek (JERI) (Rashid, R., 2007). Di Malaysia, pelbagai konsep pendidikan diterapkan di sekolah mahupun di pengajian tinggi. Salah satunya adalah konsep pembelajaran teradun atau *blended learning*, konsep ini merupakan pencampuran mod pembelajaran secara bersemuka dan atas talian. Selain itu, konsep pembelajaran teradun menggunakan konsep pembelajaran berpusatkan murid (Allen, E & Seaman, J., 2010). Pada pertengahan tahun 2020, satu sesi wacana ilmu secara webinar bertajuk Kurikulum Normal Baharu 2020 yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. Dalam wacana ini, terdapat beberapa jenis struktur blended learning yang telah dibincangkan iaitu teradun bersemuka (*blended face-to-face*), teradun atas talian (*blended online class*), *flipped classroom*, *rotation model* dan *blended MOOC* (Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, 20 Julai 2023). Para pendidik boleh memilih menggunakan mana-mana jenis struktur *blended learning* mengikut kesesuaian geografi, akses internet dan lain-lain. Para pendidik juga berpeluang untuk merancang aktiviti pembelajaran dan menyediakan bahan pembelajaran yang pelbagai dengan mempertimbangkan minat dan kecenderungan murid, serta memanfaatkan pelbagai sumber yang tersedia, untuk menjalankan pembelajaran berdaya tarikan.

Selain dari perubahan konsep pembelajaran dan pengajaran, di negara kita juga telah berlaku perubahan kaedah pentaksiran iaitu pemansuhan peperiksaan besar seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pendidikan Menengah Rendah (PMR) dan digantikan dengan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), iaitu pentaksiran yang berterusan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid (Maslan, M. & Mohd Nor, M. Y., 2020). PBD boleh dilaksanakan melalui dua kaedah iaitu secara formatif dan sumatif di mana ianya boleh dijadikan sebagai pembelajaran, untuk pembelajaran dan tentang pembelajaran (Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Edisi ke-2, 2023). Pelaksanaan konsep ini adalah secara berterusan dari Tahun 1 hingga Tahun 6 di sekolah rendah dan dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 di sekolah menengah. Menurut istilah dari kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), pentaksiran formatif merupakan pentaksiran yang dilakukan secara berterusan untuk memantau prestasi pembelajaran. Manakala, pentaksiran sumatif didefinisikan sebagai pentaksiran formal yang berlaku pada akhir sesuatu unit pengajian untuk mengredkan pencapaian murid (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2023).

Selain itu, hubungkait di antara teori dan praktikal mampu memberikan penilaian yang autentik dan koheren dan perlu digunakan sebagai kaedah penilaian pembelajaran. Pentaksiran bersepadu juga sepatutnya mempunyai pelbagai instrumen yang perlu dinilai, yang mana murid-murid dapat mengintegrasikan atau menyepadukan konsep, idea dan tindakan dengan penilaian dari segi ilmu, kemahiran dan kualiti sendiri (Harris, M., 2008).

Semasa pandemik COVID-19 melanda negara kita, Kolej GENIUS Insan (KGI) telah menggunakan konsep pentaksiran bersepadu dalam penilaian akhir semester bagi menggantikan peperiksaan bertulis. Menurut McPhun, H. (2010), pentaksiran bersepadu adalah suatu proses yang mengintegrasikan dan menghubungkan pelbagai hasil pembelajaran ke dalam satu bentuk pentaksiran yang mudah, realistik, dan asas, di mana pada akhirnya dapat meningkatkan pencapaian pembelajaran murid (El-Yassin, H. D., 2015).

Di KGI, pelaksanaan konsep pentaksiran bersepadu ini bertujuan untuk menilai keberhasilan murid secara merentas kurikulum dengan menggabungkan beberapa cabang ilmu termasuk ilmu naqli bagi menghasilkan murid-murid yang (i) bersifat futuristik, (ii) berkepimpinan, (iii) mengetahui dan menguasai pelbagai bahasa, (iv) mempunyai pemikiran global dan (v) bercirikan penyelidikan. Konsep pentaksiran bersepadu di KGI dilaksanakan dengan menggabungkan ilmu *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM) dengan elemen bahasa, elemen sosial dan agama. Konsep terasnya adalah berlandaskan ilmu STEM yang dihubungkaitkannya dengan ilmu sosial atau agama dan diterjemahkan serta disampaikan dalam tiga bahasa sama ada Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab.

Selain itu, pendekatan ini telah dilaksanakan dengan seriusnya di KGI untuk membentuk murid yang lebih maju, berdaya saing dan terkehadapan dalam melahirkan lebih ramai insan seimbang yang mempunyai pemikiran kritis,

kreatif dan inovatif. Tambahan pula, pentaksiran bersepadu yang dijalankan di KGI juga mengambil kira elemen pengintegrasian ilmu naqli (al Quran dan hadis) dan aqli (akal).

Metodologi Kajian

Kajian ini dibahagikan kepada dua fasa. Fasa pertama adalah berkaitan pembangunan pentaksiran bersepadu di KGI yang dikenali sebagai pentaksiran Pendidikan Pintar dan Berbakat Integrasi Naqli dan Aqli (IGEd). Manakala, fasa kedua ialah pengumpulan maklum balas pensyarah terhadap pelaksanaan pentaksiran IGEd.

Pentaksiran IGED di Kolej GENIUS Insan

KGI telah mengambil inisiatif untuk mengimplementasikan konsep pentaksiran bersepadu dalam penilaian akhir semester murid-muridnya semasa pandemik COVID-19. Pelaksanaan pentaksiran bersepadu ini dilakukan melalui dua platform, iaitu secara dalam talian dan luar talian. Tujuan utama pentaksiran bersepadu di KGI adalah untuk menerapkan hasil pembelajaran yang menggabungkan dan menghubungkan ilmu-ilmu naqli dengan ilmu aqli. Selain itu, pentaksiran ini bertujuan untuk menilai pencapaian murid melalui pelbagai bidang kurikulum, yang menggalakkan pembelajaran holistik dan menghasilkan murid-murid yang berdaya maju, berkemahiran kepimpinan, mampu berkomunikasi dalam pelbagai bahasa, berfikiran global, dan mengutamakan penyelidikan.

Pentaksiran bersepadu di KGI ini menitikberatkan pembelajaran berasaskan projek. Murid akan diberi kandungan pembelajaran secara aktif bersama rakan-rakannya, dan dalam proses pembelajaran itu dapat juga meningkatkan kemahiran sosial murid (Kokotsaki., et. al, 2016). Konsep pembelajaran berasaskan projek yang mengandungi lima ciri utama iaitu (i) kepusatan (*centrality*), (ii) pemanduan soalan (*driving question*), (iii) kajian secara konstruktif (*constructive investigations*), (iv) autonomi (*autonomi*) dan (v) realisme (*realism*) digunakan dalam pentaksiran di KGI.

Output kepada pelaksanaan pentaksiran bersepadu di KGI ini, murid-murid akan menghasilkannya dalam pelbagai bentuk seperti laman web kreatif, jurnal refleksi, ringkasan, esei pendek, lukisan, video, mini poster, video eksperimen, infografik, buku komik, penulisan, laporan, artikel pendek, nombor silang dan teka-teki carian perkataan. Berikut merupakan dua contoh hasil pentaksiran bersepadu yang melibatkan teras STEM iaitu Fizik dan Matematik Tambahan.

Pentaksiran Pertama:

Pentaksiran Mata Pelajaran (i) Fizik, (ii) Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah, (iii) Bahasa Inggeris dan (iv) Sejarah (Abd Khadir Jalani, M. A. et al., 2022)

Pentaksiran yang menggabungkan mata pelajaran (i) Fizik, (ii) Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah (PQS), (iii) Bahasa Inggeris, dan (iv) Sejarah ini merupakan pentaksiran mata pelajaran Fizik secara terasnya dan digabungkan dengan mata pelajaran PQS dengan tambahan elemen daripada mata pelajaran Sejarah yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Pentaksiran bersepadu ini merupakan pentaksiran menghasilkan sebuah video dengan kandungannya adalah berkaitan bab Haba dalam mata pelajaran Fizik. Murid perlu melakukan eksperimen sendiri di rumah bagi membuktikan konsep keseimbangan terma, muatan haba dan muatan haba tentu. Murid perlu memilih satu objek di sekelilingnya dan menerangkan berkaitan sejarah perkembangan objek dan mengenai muatan haba tentu objek tersebut. Selain itu, murid juga perlu mengaitkan bab Haba dengan ayat-ayat Quran yang bersesuaian. Video tersebut perlu dihasilkan dalam Bahasa Inggeris. Jadual 1 menunjukkan butiran mengenai pentaksiran bersepadu ini manakala Jadual 2 pula menunjukkan rubrik pemarkahan penilaian pentaksiran bersepadu bagi mata pelajaran (i) Fizik, (ii) Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah, (iii) Bahasa Inggeris dan (iv) Sejarah.

Jadual 1. Butiran Pentaksiran Fizik/Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/Bahasa Inggeris/Sejarah.

Minggu	M1
Tarikh	
Topik	Haba
Tajuk	Video: Experiment @ home
Tarikh Penghantaran	
Hasil Pembelajaran Kursus	<p><u>FIZIK:</u> CLO 1: Menilai peranan sains khususnya dalam Fizik untuk lebih memahami masyarakat dan teknologi yang kompleks. CLO 2: Interpretasi asas Fizik untuk kegunaan harian. CLO 3: Memperoleh kemahiran berfikir secara saintifik dan kreatif dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan sains dan teknologi.</p> <p><u>POS:</u> CLO1: Murid mampu untuk menerangkan ilmu yang penting dalam Al-Quran dan Al-Sunnah. CLO2: Murid mampu untuk menggunakan ilmu Al-Quran dan Al-Sunnah dalam kehidupan harian.</p> <p><u>SEJARAH:</u> CLO 1: Terangkan proses yang relevan dalam inovasi industri yang disebabkan oleh perubahan zaman.</p>
Tahap Kognitif	C3-Menggunakan, C4-Menganalisis, C5-Menilai, C6-Menghasilkan
Tahap Psikomotor	P1: Persepsi, P2: Set, P3: Respon berpandu
Jenis Ujian	10 min video
Komponen Falsafah Pendidikan Kebangsaan	<p>Intelek Murid akan menjalankan aktiviti berdasarkan ilmu mereka dalam topik Haba dengan menerangkan konsep Haba dalam video.</p> <p>Emosi Murid akan dapat menjalin hubungan dengan ahli keluarga mereka semasa merekod video dan melakukan aktiviti</p> <p>Rohani Murid akan mengkaji ayat Quran yang berkaitan dengan topik Haba dan akan bentangkan dalam video</p> <p>Jasmani Murid akan bergerak secara aktif untuk merekod sesi aktiviti mereka dengan ahli keluarga.</p>
Pembangunan sahsiah	Murid mesti menggunakan bahasa yang betul dan memberi penerangan secara bersopan dalam video mereka.
INAQ	Surah Al-Rahman (ayat: 19-20) Maksudnya: "He has made the two seas to flow freely (so that) they meet together. Between them is a barrier which they cannot pass"
Arahan	<ul style="list-style-type: none"> • Sila hasilkan sebuah video berdurasi 10 minit yang berkaitan dengan topik Haba dengan melakukan eksperimen/aktiviti berikut: <ol style="list-style-type: none"> 1. Keseimbangan Terma: tunjukkan bagaimana keseimbangan terma berlaku menggunakan apa-apa peralatan di rumah anda 2. Muatan Haba: Tunjukkan konsep muatan haba menggunakan bahan yang mempunyai jisim yang berbeza dan bahan yang berbeza. 3. Muatan Haba Tentu: Tunjukkan aplikasi muatan haba tentu yang anda boleh jumpa di sekeliling anda.

	<ul style="list-style-type: none"> • Anda juga mesti memasukkan bahagian Naqli (ayat Quran atau hadis dan hujah menggunakan kaedah Tafsir ‘Ilmi beserta rujukan). • Medium penghantaran: Sila siarkan video anda di akaun Facebook anda dengan meletakkan #kgiphypqssejL1videxpathome • Perincian arahan boleh dilihat melalui pautan ini: https://raudahusim-my.sharepoint.com/:w:/g/personal/hatikakaco_usim_edu_my/ERO8A12_OtBCm1t4UDrncEB78eAVYNgB7mWXSrxSP1vZg?e=PvRzEF
Kriteria Pemarkahan	Rujuk pada Kriteria Penilaian bagi setiap subjek.
Markah penuh	20 % untuk setiap mata pelajaran
Pelan Kontingensi	Murid yang mempunyai masalah internet yang lemah boleh siarkan video di akaun facebook selewat-lewatnya XXX.

Jadual 2. Rubrik Pentaksiran Fizik/Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/Bahasa Inggeris/Sejarah.

AKTIVITI	RUBRIK PENILAIAN	PERATUS	JUMLAH MARKAH
Kriteria Pemarkahan Fizik			
a) Keseimbangan Terma	Tujuan dan hipotesis	2 x 5%	20
	Radas dan susunan	2 x 5%	
	Prosedur	2 x 5%	
b) Muatan Haba	Pemerhatian	2 x 5%	
	Perbincangan	2 x 10%	
Muatan Haba Tentu	Pemilihan aplikasi	10%	
	Spesifikasi aplikasi berdasarkan bahan	10%	
	Penerangan berdasarkan konsep muatan haba tentu	10%	
		10%	
Kreativiti		10%	
Jumlah Markah		100 %	
Kriteria Pemarkahan PSI/PQS			
Integrasi Naqli dan Aqli: Kandungan		20%	20
<ul style="list-style-type: none"> • Pemilihan ayat Quran dan hadis yang betul berdasarkan topik dengan penerangan yang jelas. 			
Kritikan dan pendapat		20%	
<ul style="list-style-type: none"> • Mampu untuk menghubungkan isu dan nilai dalam perspektif Islam dan beretika 			
Kriteria Pemarkahan Sejarah			
Berdasarkan pemilihan tersebut (Aktiviti 3), nyatakan inovasi yang berlaku dari aspek berikut:		40%	20
i. Rekabentuk			
ii. Kegunaan			
iii. Bahan dan campuran yang digunakan			
Nyatakan inovasi tersebut bermula dari zaman berikut:		40%	
i. Pra sejarah			
ii. Zaman tamadun Islam			
iii. Zaman moden hari ini			
Dalam video yang dihasilkan, penjelasan di atas hendaklah dibuktikan dengan gambarajah dan jadual.		20%	
Jumlah		100%	


Antara contoh hasil video murid yang menarik adalah seperti dalam Rajah 1, Rajah 2 dan Rajah 3.



Rajah 1. Contoh 1



Rajah 2. Contoh 2



Rajah 3. Contoh 3

Pentaksiran Kedua:

Pentaksiran Matapelajaran (i) Matematik Tambahan, (ii) Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah dan (iii) Bahasa Inggeris (Zainal, R. et al., 2022)

Pentaksiran yang menyepadukan mata pelajaran (i) Matematik Tambahan, (ii) Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah (PQS) dan (iii) Bahasa Inggeris ini telah melibatkan bab fungsi kuadratik sebagai tunjang utama ilmu STEM. Pentaksiran ini digabungkan dengan elemen mata pelajaran PQS dan ilmu Naqli iaitu memerlukan penghuraian ayat Al-Quran atau Hadis dengan bab fungsi kuadratik. Output pentaksiran ini ialah penghasilan sebuah bab dalam komik yang menggunakan bahasa pengantarnya ialah Bahasa Inggeris. Murid dapat menghasilkan sebuah komik yang menarik dan kreatif khusus menerangkan bab dalam mata pelajaran Matematik Tambahan dengan tambahan elemen Quran atau Hadis. Sehubungan itu, dari segi bahasa, murid dapat menggunakan elemen asas sesebuah komik termasuklah tajuk, penulis, karakter dan dialog-dialog dalam Bahasa Inggeris. Jadual 3 menunjukkan butiran mengenai pentaksiran ini. Jadual 4 pula menunjukkan rubrik pemarkahan penilaian pentaksiran bersepadu Matematik Tambahan, PQS dan Bahasa Inggeris.

Jadual 3. Butiran Pentaksiran Matematik Tambahan/Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/Bahasa Inggeris.

Minggu	27 - 28
Tarikh	
Topik	Fungsi Kuadratik
Tajuk	Buku Komik Matematik Tambahan Saya
Tarikh Penghantaran	
Hasil Pembelajaran	1. Memahami topik matematik tambahan 2. Ilustrasikan kandungan topik dalam bentuk komik.
Kurus	
Tahap Kognitif	C2-Memahami, C3-Menghasilkan, C6-Menyusun
Tahap Effektif	Menilai
Tahap	Memahami

Psikomotor	
Jenis Ujian	Buku komik
Komponen Falsafah Pendidikan Kebangsaan	<p>Intelek Murid-murid mampu untuk menginterpretasi dan menggunakan ilmu topik yang berkenaan.</p> <p>Emosi Murid akan merasa teruja untuk menghasilkan buku komik mereka sendiri.</p> <p>Rohani Buku komik boleh dibaca dengan gembira dengan ahli keluarga murid</p> <p>Jasmani Murid-murid mampu untuk mempraktikkan pergerakan tangan.</p>
Pembangunan sahsiah	<ul style="list-style-type: none"> • Kebolehan untuk berfikir dan belajar untuk menerangkan isi kandungan topik dalam bentuk komik. • Menghasilkan komik ikut gaya penulisan masing-masing. • Menjadi murid yang kreatif.
INAQ	“And the worldly life is not but amusement and diversion, but the home of the Hereafter is best for those who fear Allah, so will you not reason?” (Al’Anam, 32)
Arahan	<ul style="list-style-type: none"> • Tugas ini merupakan tugas BERKUMPULAN. • Sila gunakan DIGITAL TOOL untuk hasilkan komik. • Sila terangkan kandungan topik dalam komik menggunakan Bahasa Inggeris. • Komik mesti memasukkan perspektif INAQ seperti tokoh-tokoh islam, ayat-ayat Quran dan Hadis. • Sila rujuk pada Bukuteks KSSM sebagai rujukan utama untuk menghasilkan buku komik anda.
	ASAS 3
	<p>ABU eks, dan Logaritma b 4, muka surat 88)</p> <p>UMAR :tor (Bab 8, muka surat 210)</p> <p>UTHMAN cum Linear (Bab 6, muka surat 152)</p>
	<ul style="list-style-type: none"> • Setiap kelas mesti membentuk struktur organisasi kumpulan masing-masing (Ketua, Timbalan, Pereka dan Pengurus Plot). Keempat-empat murid ini akan diberikan markah lebih. • Anda perlu menghantar buku komik melalui email: smunirah@usim.edu.my • Sila masukkan nama kelas dan nama setiap ahli kumpulan. • Tarikh akhir penghantaran adalah pada XXXX.
Kriteria Pemarkahan	Rujuk pada Kriteria Penilaian bagi setiap subjek.
Markah penuh	70 % Matematik Tambahan 30 % Bahasa Inggeris
Pelan Kontingensi	Murid yang mempunyai masalah internet yang lemah boleh poskan tugas menggunakan apa-apa medium yang boleh diakses.


Jadual 4. Rubrik Pentaksiran Matematik Tambahan/Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/Bahasa Inggeris.

KRITERIA		MARKAH
Kriteria Pemarkahan Matematik Tambahan		
1.	Isi Kandungan (Matematik Tambahan dan INAQ)	40
2.	Kreativiti	20
3.	Ilustrasi	20
4.	Penilaian Peer	20
Total		(Markah/100) x 70 %
Kriteria Pemarkahan Bahasa Inggeris		
1.	Elemen Asas (Tajuk, Penulis, Karakter, Dialog)	5
2.	Bahasa (Ejaan, tatabahasa)	20
3.	Kejelasan/Organisasi	5

Antara contoh hasil komik murid yang menarik adalah seperti komik yang dihasilkan oleh murid kelas Asas 3 Umar dengan ketua kumpulannya Aleya Sofea. Antara karakter dan dialog dalam komik mereka boleh dilihat dalam Rajah 4 dan Rajah 5.



Rajah 4. Dialog yang terdapat dalam komik murid Asas 3 Umar.



Rajah 5. Antara Dialog yang terdapat dalam komik murid Asas 3 Umar.


Maklum Balas Pensisarah Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran

Soal selidik telah dijalankan ke atas 20 orang pensyarah di KGI terhadap pelaksanaan pentaksiran bagi memperoleh maklum balas pensyarah melalui kaedah pensampelan bertujuan dan persampelan mudah (*purposive sampling and convenience sampling*). Dua topik utama dalam borang soal selidik terhadap pensyarah ialah (i) impak pelaksanaan pentaksiran terhadap pencapaian objektif dan hasil pembelajaran dan (ii) penerimaan pensyarah terhadap pelaksanaan pentaksiran.

Hasil Dapatan Kajian

Berdasarkan soal selidik yang telah dilaksanakan, dapatan kajian seperti Rajah 6 menunjukkan nilai peratusan terhadap impak pelaksanaan pentaksiran terhadap pencapaian objektif dan hasil pembelajaran berdasarkan soalan yang diberikan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5. Berdasarkan keputusan yang diperolehi, di dapati bahawa 100% pensyarah di KGI memilih impak positif dengan memilih skala “Agak Bersetuju” “Bersetuju” dan “Sangat Bersetuju” bagi S1, S3 dan S4. Ini menunjukkan bahawa pensyarah bersetuju bahawa kaedah pelaksanaan pentaksiran merentasi mata pelajaran dapat membantu pensyarah dalam mencapai objektif dan hasil pembelajaran bagi mata pelajaran masing-masing. Selain itu, pensyarah dapat menerima kaedah pelaksanaan norma baru ini dengan menggabungkan mata pelajaran mereka dengan mata pelajaran lain. Walau bagaimanapun, bagi S2 hanya 95% sahaja pensyarah yang memilih impak yang positif, manakala 5% lagi memilih skala “Tidak Bersetuju” dengan soalan S2. Keputusan ini mungkin disebabkan oleh pensyarah merasakan hasil gabungan ini lebih kepada inisiatif yang ditunjukkan oleh

pensyarah-pensyarah yang terlibat bagi gabungan mata pelajaran dalam pelaksanaan pentaksiran ini. Walau bagaimanapun, pentaksiran yang dilakukan perlulah ditambahbaik dari aspek rubrik dan kaedah pelaksanaan pada masa hadapan bagi menambahbaik mutu pelaksanaan pentaksiran di KGI.




Rajah 6. Peratus Impak Pentaksiran Terhadap Pencapaian Objektif dan Hasil Pembelajaran

Jadual 5. Impak Pelaksanaan Pentaksiran Terhadap Pencapaian Objektif dan Hasil Pembelajaran.

Item	Pernyataan	Peratusan (%)					
		Sangat Tidak Bersetuju	Tidak Bersetuju	Agak Tidak Bersetuju	Agak Bersetuju	Setuju	Sangat Bersetuju
S1	Pentaksiran ini mencapai objektif dan hasil pembelajaran bagi mata pelajaran saya.	0.0	0.0	0.0	15.0	45.0	40.0
S2	Pelaksanaan pentaksiran ini mendorong saya melakukan inisiatif sendiri demi mencapai objektif dan hasil pembelajaran.	0.0	5.0	0.0	10.0	25.0	60.0
S3	Saya lebih memahami secara menyeluruh kombinasi subjek yang terlibat dalam pelaksanaan pentaksiran ini	0.0	0.0	0.0	15.0	45.0	40.0
S4	Pelaksanaan pentaksiran ini membenarkan interaksi dua hala antara pensyarah dan murid	0.0	0.0	10.0	10.0	5.0	75.0

Rajah 7 pula menunjukkan peratus penerimaan pensyarah terhadap pelaksanaan pentaksiran ini. Keputusan yang diperoleh menunjukkan bahawa 100% pensyarah memilih skala positif iaitu “Agak Bersetuju”, “Setuju” dan “Sangat Bersetuju” bagi semua item yang dikemukakan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6 (S6-S9). Ini menunjukkan bahawa semua pensyarah menerima pelaksanaan pentaksiran ini dengan mengambil tindakan yang besesuaian termasuklah memberitahu kepada murid berkenaan dengan bentuk pentaksiran yang akan dilaksanakan dan menyediakan rubrik yang jelas. Di samping itu, pensyarah juga sedar bahawa kaedah pentaksiran ini dapat menggalakkan pembelajaran yang aktif dalam kalangan murid di KGI dengan hasil yang positif terhadap hasil pelaksanaan gabungan mata pelajaran. Hasilnya, pensyarah juga secara tidak langsung dapat memahami kaedah mengintegrasikan elemen Naqli dalam mata pelajaran yang diajar.



Rajah 7. Peratus Penerimaan Pensyarah Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran

Jadual 6. Penerimaan Pensyarah Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran.

Item	Pernyataan	Peratusan (%)					
		Sangat Tidak Bersetuju	Tidak Bersetuju	Agak Tidak Bersetuju	Agak Bersetuju	Setuju	Sangat Bersetuju
S5	Saya memaklumkan bentuk pentaksiran yang dilaksanakan kepada murid	0.0	0.0	0.0	10.0	10.0	80.0
S6	Saya menyediakan rubrik pemarkahan dengan jelas kepada murid.	0.0	0.0	0.0	10.0	20.0	70.0
S7	Kaedah pelaksanaan pentaksiran menggalakkan pembelajaran aktif.	0.0	0.0	10	10.0	15.0	65.0
S8	Pelaksanaan pentaksiran mempunyai perspektif positif terhadap pembelajaran setiap mata pelajaran	0.0	0.0	5.0	30.0	25.0	40.0
S9	Gabungan elemen Naqli membantu saya memahami kaedah untuk mengintegrasikan elemen Naqli dengan mata pelajaran saya.	0.0	0.0	0.0	10.0	20.0	70.0


Perbincangan

Perubahan cara pentaksiran seperti pentaksiran IGEd ini didapati memberi impak bukan sahaja kepada murid dan pendidik, malah memberi impak kepada keluarga, masyarakat dan negara.


Impak Dan Perancangan Masa Hadapan Terhadap Pentaksiran IGEd

Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memulakan inisiatif pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Inisiatif pendidikan STEM bertujuan untuk mempersiapkan murid bagi menghadapi cabaran sains dan teknologi dan memastikan bahawa Malaysia mempunyai lulusan STEM yang berkelayakan tinggi dan cukup bersedia berhadapan Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) serta memenuhi keperluan Kerangka Inovasi Teknologi Sains dan Pembangunan Ekonomi Malaysia. Kualiti pendidikan sains dan matematik adalah elemen penting dalam sistem pendidikan negara untuk memastikan masyarakat Malaysia bersedia menghadapi cabaran negara maju.

Seiring dengan itu, perubahan dari segi pengajaran dan pentaksiran perlu dilaksanakan di sekolah-sekolah di Malaysia. Untuk perancangan masa hadapan, pentaksiran bersepadu seperti pentaksiran IGEd ini boleh diperkenalkan digunakan di sekolah-sekolah di Malaysia. Pentaksiran ini bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif (intelekt), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bukan sahaja memberi impak kepada murid-murid, malah kepada pendidik juga seperti dalam Rajah 8 dan Rajah 9.



Rajah 8. Impak kepada Murid.



Rajah 9. Impak kepada Pendidik

Selain itu, pelaksanaan pentaksiran ini juga dilihat akan memberi impak yang besar terhadap keluarga, masyarakat dan negara seperti dalam Rajah 10.



Rajah 10. Impak kepada keluarga, masyarakat, dan negara.

Penutup

Kesimpulannya, pelaksanaan pentaksiran Pendidikan Pintar dan Berbakat Integrasi Naqli dan Aqli (IGEd) di Kolej GENIUS Insan ini telah menunjukkan bahawa kaedah pelaksanaan pembelajaran alternatif ini memberikan impak yang positif bukan sahaja kepada murid namun juga kepada para pensyarah yang terlibat. Kaedah pentaksiran alternatif ini boleh dilaksanakan di sekolah-sekolah sebagai salah satu kaedah pentaksiran yang mampu menilai prestasi murid untuk menilai keberhasilan murid secara merentas kurikulum dengan mengintegrasikan pelbagai cabang ilmu. Seterusnya, dapat menghasilkan murid-murid yang bersifat futuristik, berkepimpinan, mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam penguasaan pelbagai bahasa melalui pemikiran global dan digabungjalinkan dengan ciri penyelidikan. Oleh itu, hasil daripada pelaksanaan pentaksiran ini menunjukkan impak yang positif terhadap hasil pembelajaran yang mengintegrasikan elemen ilmu naqli dan aqli.

Rujukan

- Arbaa, R., Jamil, H. & Ahmad, M. Z. (2017). Model Bersepadu Penerapan Kemahiran Abad ke-21 dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1): 1-11.
- Rasidah Rashid, 2017 .Hubungan antara gaya pembelajaran dengan motivasi dalam kalangan pelajar di sebuah sekolah menengah luar bandar, Sabah. Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository
- Allen, E & Seaman J. (2010). *Class differences: Online Education in the United States*, 2010. Babson Survey Research Group: Sloan Consortium, USA.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (2020). Retrieved July 20, 2023, <https://www.youtube.com/watch?v=N7uhFh8h5Ck>
- Maslan, M. & Mohd Nor, M. Y. (2020). Kebolehlaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Secara Atas Talian Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Di Daerah Sentul, Kuala Lumpur. *Prosiding Seminar Nasional FIP 2020*, 213-218.
- Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Edisi ke-2 (2019). Retrieved Mac 15, 2023, from <http://bpk.moe.gov.my/index.php/terbitan-bpk/pentaksiran-bilik-darjah>
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2017). Retrieved Mac 15, 2023, <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kamus+online>
- Harris, M. (2008). *A process method of teaching*. New York, NY: Hill Companies.
- McPhun, H. (2010). *Integrated assessments – engaging ways to enhance learner outcomes*. Good Practice Publication Grant.
- El-Yassin, H.D. (2015). Integrated assessment in medical education. *Journal of Contemporary Medical Sciences*, 1(4): 36–38.
- Kokotsaki, D., Menzies, V., & Wiggins, A. (2016). Project-based learning: A review of the literature. *Improving Schools*, 19(3), 267-277.
- Abd Khadir Jalani, M. A., Ahmad, R., & Ismail, H. (Eds.). (2022). *Modul Pengajaran & Pembelajaran serta Pentaksiran Bersepadu Kurikulum Pendidikan Pintar Berbakat, Integrasi Naqli & Aqli (IGEd) Tahap 1*. Kolej GENIUS Insan.
- Zainal, R., Ahmad, R., & Ismail, H. (Eds.). (2022). *Modul Pengajaran & Pembelajaran serta Pentaksiran Bersepadu Kurikulum Pendidikan Pintar Berbakat, Integrasi Naqli & Aqli (IGEd) Asas 2*. Kolej GENIUS Insan.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. 2013-2025.